

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK
(SEREMBAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13.10.2014

Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pendirian Kerajaan untuk menggubal undang-undang baru untuk mengawal dan membanteras gejala perjudian siber atau online yang semakin berleluasa dan sekiranya ada, bilakah ia dapat dibentangkan di Parlimen dan seterusnya dikuatkuasakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah membuat ketetapan

dasar untuk melarang secara menyeluruh kegiatan perjudian atas talian (*online gaming*). Di samping itu, Kerajaan juga masih lagi dalam peringkat kajian sama ada untuk mewujudkan satu akta baru yang berkaitan atau menambahbaik akta-akta sedia ada bagi membendung aktiviti ini.